

Cabaran Sainis Muda MSU

Archival News | Harian Metro | 02/07/2014 | Author: Hamizah Badiran

Aspirasi negara melalui Wawasan 2020 menekankan kemajuan Sains dan Teknologi (S&T).

Selaras dengan itu, kerajaan melaksanakan Dasar Sains dan Teknologi Negara sebagai satu polisi untuk pembangunan sosioekonomi dan pendidikan.

Dalam membantu mencapai aspirasi berkenaan, Management & Science University (MSU) melalui Jabatan International and Collegiate, menganjurkan Cabaran Sainis Muda MSU 2014 yang bermatlamat memperkasakan pelajar dengan tumpuan kepada perkembangan individu yang kompetitif, dinamik, menguasai ilmu sains dan ketrampilan teknologi melalui pendedahan awal mengenai kerjaya dalam bidang sains.

Peserta terbabit melalui dua fasa aktiviti merangkumi fasa satu iaitu eksplorasi seperti I Feel It, Ujian Darah (ABO), Herbs Test, Eye Focus, Crime Scene Investigation, Trace Hidden File dan Facial Composites, manakala fasa dua pertandingan berkonsepkan aktiviti berbentuk inovatif dan kreativiti.

Pertandingan ini disertai 160 pelajar dari 20 sekolah menengah di sekitar Lembah Klang. Antaranya ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Jelutong, SMK Putrajaya Satu, SMK Subang Utama, SM Sains Seri Puteri, SMK Ampang, SMK SS 17, SMK USJ 12, SMK Salahuddin Abd Aziz, SMK Bukit Bandaraya, SMK Convent Bukit Nanas, SMK Tengku Ampuan Rahimah, SMK Andalas, SMK Shah Bandaraya dan SMK Putra Perdana.

Pemenang bagi pertandingan ini menerima hadiah berbentuk wang tunai dan biasiswa bernilai RM50,000, trofi dan hamper.

Pada pertandingan akhir cabaran, tempat pertama dimenangi SMK Sri Hartamas, manakala tempat kedua dan ketiga dimenangi SMK Cyberjaya dan SMK Subang Utama.

Bagi kategori peserta terbaik pula, ia dimenangi Nur Iman Kamil Rozaidi dari SMK Aminuddin Baki, diikuti C Kaminibhai (SMK Raja Mahadi) dan Syed Mohd Syafiq Affandy Syed Ali Akhbar dari SMK Seksyen 7.

Majlis penutupan pertandingan dihadiri Presiden MSU, Profesor Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid, pihak pengurusan kanan, wakil sekolah dan peserta.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut program pengajian ditawarkan di MSU, sila hubungi 03-5521 6868 atau lawati www.msu.edu.my. Pilihan lain ialah dengan menghantar SMS ke INFOMSU nama e-mel dan hantar ke 019-341 9152/016-356 8251 atau 012-249 6551.

(END)

Source : Harian Metro